

# **LAPORAN KUNJUNG HORMAT KE PEJABAT TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**





Lawatan kunjung hormat ke Pejabat Timbalan Menteri Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr. Abu Bakar Mohammad Diah telah diadakan pada 3 Ogos 2015. Kunjungan ini bertujuan untuk mendapatkan khidmat nasihat YB Datuk Timbalan Menteri dalam usaha PMM untuk mendapatkan pensijilan Asia Pacifik Accreditation & Certification Commission (APACC) yang melibatkan jalinan hubungan dengan pihak industri. PMM juga sedang berusaha untuk memenuhi akreditasi APACC seperti inovasi, penyelidikan & pembangunan dan pengantarabangsaan. Perbincangan ini juga turut memaklumkan hasil keputusan mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri PMM yang lepas serta untuk membina hubungan kerjasama di antara MOSTI dengan PMM melalui pertukaran pandangan dan melihat ruang serta peluang yang memberi manfaat, membincangkan kajian dan pembangunan serta perkongsian ilmu, pengalaman dan mendapatkan khidmat nasihat dari pihak YB Timbalan Menteri MOSTI yang juga merupakan pengurus Jawatankuasa Penasihat Industri PMM.

Tiga proposal kertas penyelidikan daripada PMM telah dibentangkan sepanjang perbincangan tersebut. Pertentangan tersebut bertujuan untuk melihat peluang dan ruang bagi mendapatkan geran serta prosedur yang perlu dilaksanakan. Proposal penyelidikan tersebut adalah:

- i. Smart Shoes Project
- ii. Design and develop of controller and monitoring system for electrical appliances usage for domestic application.
- iii. Online identification of uncertainties in induction motor drives for robust speed tracking controller.

Antara dana-dana yang dicadangkan adalah Inofund, Sciencefund dan Technofund. Cadangan dari pihak MOSTI penyelidikan yang hendak dilaksanakan tersebut digalakkkan mengambilkira kelestarian komuniti.

Berikut adalah senarai nama pegawai PMM yang telah hadir dalam program lawatan tersebut:

- i. PPjKR(BERSEKUTU) Zolkarnain Bin Hj. Jobshi, Director of PMM
- ii. Mr Muhamad Jais Bin Gimin, head Of Corporate, industrial Services & Employability Centre(CISEC)
- iii. Mrs Normah Binti Jantan, Head Of Research And innovation
- iv. Mr. Khairul Azam Bin
- v. Dr Fizatul Aini Binti Patakor, Lecturer of Electrical Engineering Department
- vi. Mr Adib Ridhwan Bin Adenan, CISEC officer
- vii. Ms Suziee Binti Sukarti, CISEC officer

Perbincangan ini juga telah turut disertai oleh Pegawai MOSTI iaitu Dr. Mohd Mokhtar Tahar SUB Bahagian Industri dan Mrs Nordina Idris SUB Bahagian Dana. Mr Mohd Aziph Dato Mustapha CEO Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) juga turut memberi pandangan dalam penghasilan produk inovasi pelajar dalam sesi perbincangan tersebut.